

# DAP perlu kemukakan bukti

U.M. 24 NOV 1993

**K**UALA LUMPUR 23 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, DAP perlulah mengemukakan bukti berhubung dakwaannya bahawa pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO mempunyai kepentingan dalam syarikat gergasi yang mendapat tender projek-projek penswastaan.


Kata beliau, DAP tidak boleh membuat tuduhan-tuduhan melulu tanpa asas jika mereka tidak boleh menunjukkan sebarang bukti kononnya pemimpin-pemimpin UMNO mempunyai kepentingan dalam projek penswastaan yang diberikan kepada syarikat gergasi tertentu.

"Kalau dengar cakap-cakap di pasaran dan kemudiannya membuat andaian itu sebagai benar, itu tidak berasaslah," katanya ketika menjawab soalan tambahan **Ahmad Nor (DAP-Bayan Barú)**, di Dewan Rakyat, di sini, hari ini.

Ketika mengemukakan soalan tambahan itu Ahmad Nor meminta Perdana Menteri menyatakan kenapakah hanya syarikat gergasi tertentu sahaja seperti Bcrjaya Group dan UEM memperolehi projek penswastaan besar kerajaan.

Perdana Menteri berkata, DAP memukul canang mengenai isu ini kononnya nama beliau sendiri terbabit dengan syarikat-syarikat berkenaan.

"Jika semua projek penswastaan diberikan kepada syarikat-syarikat yang dika-



Oleh: **ZULKIFLEE BAKAR** dan **G. MANIMARAN**

itkan dengan nama saya, sudah tentulah saya sudah jadi billionaire," kata Dr. Mahathir.

Beliau berkata, jika DAP mempunyai bukti mereka boleh memeriksa sama ada UMNO mempunyai wang yang banyak daripada syarikat-syarikat yang dikatakan.

"Tetapi UMNO juga berhak memeriksa daripada mana DAP memperolehi sumber kewangannya," kata Perdana Menteri.

Ketika menjawab soal asal Ahli Parlimen yang sama, Dr. Mahathir berkata, prosedur yang dipakai oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE) dalam menimbang projek-projek penswastaan bergantung kepada sama ada projek penswastaan berkenaan dikenal pasti oleh kerajaan ataupun oleh pihak swasta.

"Bagi projek penswastaan

yang dikenal pasti oleh kerajaan, pelaksanaan projek tersebut akan dibuat melalui tender terbuka atau tender terhad.

"Projek-projek yang akan diswastakan melalui tender terbuka akan diiklankan di surat khabar tempatan. Pihak swasta yang berminat bolehlah mengambil spesifikasi tender yang disediakan oleh kerajaan untuk mengemukakan tawaran masing-masing," kata Dr. Mahathir.

Perdana Menteri seterusnya memberitahu Dewan Rakyat, bagi projek-projek yang akan dilaksanakan melalui tender terhad pula, UPE akan menjemput syarikat-syarikat yang telah menunjukkan minat bagi menswastakan projek-projek berkenaan supaya mengemukakan tawaran masing-masing untuk pertimbangan kerajaan.

Beliau berkata, bagi projek-projek penswastaan yang dikenal pasti oleh pihak swasta pula, kerajaan hanya akan merundingkan projek yang dicadangkan itu terus dengan pihak pertama yang mengemukakan cadangan.

"Rundingan tersebut akan diadakan sekiranya pihak kerajaan mendapati cadangan konsep yang dikemukakan adalah memenuhi kriteria yang ditetapkan dari segi keunikan, kewajaran dan kesesuaiannya," kata beliau.

Perdana Menteri menambah, sekiranya perundingan yang diadakan itu gagal mencapai persetujuan, penswastaan projek berkenaan

akan dibuat melalui tawaran tender seperti projek penswastaan yang dikenal pasti oleh kerajaan.

Dr. Mahathir juga menjelaskan, tawaran yang dikemukakan oleh pihak swasta akan dinilai oleh dua jawatankuasa, iaitu Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Kewangan.

"Jawatankuasa Teknikal akan dipengerusikan oleh Kementerian yang berkaitan yang akan menilai aspek teknikal tawaran yang dikemukakan."

"Manakala Jawatankuasa Kewangan yang dipengerusikan oleh Kementerian Kewangan atau UPE akan menilai aspek kewangan tawaran berkenaan," katanya.

Beliau berkata, kedua-dua penilaian yang dibuat oleh jawatankuasa-jawatankuasa tersebut akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Penswastaan di UPE untuk dipertimbang dan diperakukan kepada kerajaan.

"Keputusan akhir sesuatu tawaran tender adalah dibuat oleh Jemaah Menteri," katanya.

Menjawab satu lagi soalan tambahan daripada **Wan Junaidi Jaafar (BN-Batang Lupar)**, Perdana Menteri berkata, berdasar perhitungan yang dibuat, lebih 100,000 kakitangan kerajaan telah bertugas dengan jabatan yang diswastakan.

"Ini bermakna kerajaan telah mengurangkan lebih 100,000 kakitangan kerajaan," katanya.